

UMS dan Wong Aquaculture Sdn Bhd bekerjasama dalam penyelidikan

UB 27.06.2023 P.02

Oleh Yap Slong Han

KOTA KINABALU: Wong Aquaculture Sdn Bhd (WA) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) meterai perjanjian konsultasi penyelidikan selama dua tahun untuk menyelidik potensi duckweed sebagai komponen makanan alternatif bagi Chanos chanos, juga dikenali sebagai ikan susu atau ikan baulu.

Penyelidik UMS, Dr. Rafidah Othman dan Profesor Madya Dr. Faihana Ching Abdullah @ Ching Fui Fui, kedua-duanya dari Pusat Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS, akan bekerjasama dengan WA dan IPMB

UMS dalam kolaboratif bernilai RM232,000.

Kombinasi kepakaran dan latar belakang mereka dalam penyelidikan akan memberikan asas yang kukuh kepada penyelidikan ini.

Pengarah Urusan WA Jonathan Wong turut terlibat dalam inisiatif berkenaan. Gaya pengurusan proaktif dan pemahamannya tentang amalan akuakultur lestari memberikan momentum penting kepada projek itu untuk meningkatkan sektor serta mempromosikan kelestarian alam sekitar.

Mengakui kepentingan terhadap amalan lestari dan penggunaan sumber yang cekap dalam sektor akuakul-

tur, penemuan dari penyelidikan ini diharapkan dapat meningkatkan kecekapan pemakanan, mengurangkan kebergantungan kepada bahan makanan tradisional, mempromosikan ekonomi circular dalam akuakultur dengan menggunakan duckweed sebagai potensi tambahan makanan.

Oleh itu, analisis dan eksperimen yang meluas akan dijalankan untuk menilai kandungan nutrisi, kecernaan, prestasi pertumbuhan dan kesihatan keseluruhan ikan susu apabila diberikan diet dengan kuantiti duckweed berbeza.

Perkongsian antara WA dan UMS ini, merupakan contoh

sangat baik terhadap sinergi antara industri serta institusi akademik, di mana pengetahuan sains, pemahaman praktikal bergabung untuk menangani isu-isu penting dihadapi industri akuakultur.

Perjanjian konsultasi penyelidikan ini menunjukkan komitmen kedua organisasi terhadap amalan lestari serta dedikasi mereka untuk memperluaskan pemahaman sains untuk manfaat industri.

Hasil dari perjanjian konsultasi penyelidikan mempunyai potensi besar bagi industri akuakultur, kerana ia mungkin merevolusikan formulasi makanan serta menetapkan piawaian baharu

untuk pengeluaran ikan secara lestari.

Kerjasama antara WA dan UMS bertujuan membina industri akuakultur yang lestari.

Kedua-dua organisasi bersemangat untuk memulakan projek penyelidikan mereka dan yakin bahawa kerjasama itu akan menghasilkan wawasan yang penting tentang kelebihan penggunaan duckweed sebagai penambahan makanan bagi ikan susu.

PERJANJIAN KONSULTASI: UMS dan WA bekerjasama selama dua tahun untuk menyelidik potensi duckweed.

